

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JULY 2017

# Mohd. Puad cabar Dr. M berdebat

UM- 22/7/2017 Pg. 3

**KOTA BHARU 21 Julai** - Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi mencabar Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk berdebat mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dalam forum *Nothing To Hide 2.0*.

Malah, beliau memberikan ruang sepenuhnya kepada bekas Perdana Menteri itu menentukan tarikh dan lokasi sesuai untuk perdebatan tersebut diadakan.

"Jadi tak perlu mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk berdebat dalam forum ini mengenai isu 1MDB.

"Walaupun dia mendakwa sebagai *top dog* dan setaraf dengan Najib, tetapi pada saya jawatan beliau itu tidaklah ada apa-apa kuasa sebenarnya. Oleh itu tiada sebab dia tidak berdebat dengan saya sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO, jangan bangkit soal status," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kota Bharu di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Chat di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Ahmad Jaz-

lan Yaakub; Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kota Bharu, Madihah Ab. Aziz.

Rabu lalu, Dr. Mahathir dilaporkan mencabar Najib menyertai forum tersebut pada 13 Ogos ini untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh pembangkang.

Mohd. Puad yang juga Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) berkata, Dr. Mahathir sebenarnya tidak serius untuk berdebat secara ilmiah dan bersopan, sebaliknya mahu menjadikan forum itu sebagai platform memalukan

Najib.

"Mereka datang buat kecoh supaya Perdana Menteri diinalukan di khalayak ramai dan ini terbukti dalam forum *Nothing To Hide 1.0* walaupun tidak dijemput, beliau datang dan apabila dimaklumkan bahawa program itu batal, Dr. Mahathir tidak mahu pulang, malah penyokongnya memecahkan pintu dan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu naik ke pentas untuk berucap.

"Sebab itu saya kata kalau benar serius nak berdebat, saya menawarkan diri untuk berdebat ten-



MOHD. PUAD ZARKASHI



**Waktu Solat**



MBSB

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

**KUALA LUMPUR**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.49 7.11 1.22 4.46 7.30 8.44

**PULAU PINANG**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.52 7.12 1.27 4.51 7.38 8.52

**KUANTAN**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.44 7.03 1.16 4.39 7.24 8.37

**JOHOR BAHRU**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.44 7.06 1.14 4.37 7.19 8.33

**KUCHING**  
dan kawasan sewaktu dengannya

5.19 6.37 12.49 4.12 6.54 8.08

tang 1MDB sebab kebetulan kita pun sediakan buku *1MDB Siapa Kata Tidak Dijawab* dan kita ada banyak soalan nak tanya dia, macam mana anak-anak dia dapat kekayaan dan isu mata wang," katanya.

Tambah Mohd. Puad, beliau berharap forum tersebut diadakan secara teratur dan memberi ruang kepada semua orang untuk mengeluarkan pandangan secara rasional serta aman tanpa ada gangguan.